

Kecil tapi bahaya

Kuala Lumpur: Daripada pandangan kasar, tebuhan hanya sekadar serangga berkaki enam bersaiz kecil.

Namun, sengatananya yang dipercayai mempunyai bahan kimia beracun mampu membawa maut kepada pemangsanya.

Pensyarah Fakulti Pertanian Universiti Pertanian Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Nur Azura Adam berkata, berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, tebuhan adalah sejenis serangga dari keluarga Vespidae iaitu serangga yang mempunyai sengat dan mampu membunuh manusia terutama kanak-kanak.

"Daripada puluhan spesies tebuhan yang dikenal pasti di seluruh dunia, spesies tebuhan tanah adalah antara yang paling banyak ditemui di negara ini dan sering dikaitkan dalam beberapa siri serangan terhadap manusia hingga membawa maut.

"Bahan kimia yang disuntik melalui sengatan tebuhan tanah mampu menyebabkan bengkak teruk dalam keadaan berair dan ia berupaya menghentikan degupan jantung manusia jika sistem imunisasi seseorang itu gagal melawan bahan kimia berkenaan," katanya yang terbabit dalam penyelidikan bidang serangga dan pertanian.

Katanya, jumlah sengatan tidak menentukan tahap kronik mangsa, namun tahap penerimaan tubuh mangsa terhadap bahan kimia yang disengat adalah faktor utama yang dilihat oleh pakar perubatan.

"Terdapat kes di mana mangsa disengat lebih 20 kali, namun tiada risiko kesihatan serius dan hanya mengalami bengkak biasa. Sementara ada mangsa yang hanya disengat sekali dan terus meninggal dunia.

"Ini berpunca daripada kesan alergi mangsa yang tidak dapat melawan bahan kimia yang disengat ke dalam tubuh seterusnya menyerang sistem tubuh seperti penurunan tekanan darah secara mendadak dan serangan jantung," katanya.

Katanya, tebuhan tanah sama seperti jenis tebuhan kuning yang mudah dikenali pada warna kuning dan berbelang pada badannya dan ia boleh membesar sehingga lebih empat sentimeter.

Secara kesimpulannya, sengatan daripada tebuhan biasa pun hanya satu perlu dipandang serius dan secara teori-nya, kelemahan daya ketahanan dan kesan alergi mangsa itu sendiri mengorbankannya seseorang.